

Penerima pertama Biasiswa NAC-UAS perjuang seni untuk semua



Encik Muhammad Nhwafal Juma'at yang bergambar dengan kerja seninya di studio sekitar Clementi Street 12 bertekad gunakan ilmu yang diraih daripada pengajian Sarjana Seni Halus di Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa), Universiti Seni Singapura (UAS), untuk terus memasyarakatkan seni. – Foto BH oleh KHALID BABA

► **ILLYDEA ISHAK**
illydea@sph.com.sg

Memasyarakatkan seni yang kadangkala dianggap abstrak atau payah difahami untuk dihadap orang awam telah lama menjadi impian pendidik seni dan seniman visual, Encik Muhammad Nhwafal Juma'at.

Sebagai anggota Angkatan Pelukis Aneka Daya (Apad) yang pernah menyandang jawatan Naib Presiden dan Setiausaha persatuan itu, Encik Muhammad Nhwafal, 33 tahun, ingin dekati lebih ramai dalam kalangan penduduk Singapura melalui seni.

Tujuannya adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya seni dalam kehidupan seharian.

Beliau bahkan bersyukur impiannya ini lebih diperkasa dengan peluang menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Seni Halus (Nafa) di bawah naungan institusi yang baru bermula Ogos ini, Universiti Seni Singapura (UAS), menerusi Biasiswa Majlis Seni Kebangsaan (NAC)-UAS.

Encik Muhammad Nhwafal merupakan antara empat penerima pertama Biasiswa Seni NAC-UAS yang diperkenalkan pada 2024.

Biasiswa itu dibuka bagi program sarjana muda dan possiswazah dalam usaha memupuk generasi pemimpin seni seterusnya di Singapura di samping lebih melibatkan masyarakat secara am.

Ia juga bertujuan menyediakan pelbagai lowongan dalam sektor pendidikan kesenian agar penerima biasiswa dapat memainkan

peranan yang lebih berkesan dalam dunia budaya dan kreatif.

Encik Muhammad Nhwafal bakal melanjutkan pengajian selama dua tahun pada pertengahan Ogos ini.

Sebelum ini, beliau memiliki ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Seni Halus daripada Universiti Loughborough pada 2016 dan Diploma Seni Halus daripada Nafa pada 2012.

Ketika dihubungi *Berita Harian* (BH), Encik Muhammad Nhwafal, berkata beliau teruja tetapi agak gementar hendak memulakan perjalanan semula sebagai pelajar.

“Saya sendiri mengajar di Nafa selama lapan tahun. Apabila saya melihat anak didik saya, saya rasa cemburu kerana mereka masih dapat mendalami seni. Tapi, pada masa yang sama, ada juga rasa bimbang sebab saya dah lama tidak bergelar pelajar,” katanya.

Menyingkap kembali penglibatan sebagai seniman sejak 2010, Encik Muhammad Nhwafal berkata banyak aspek seni telah beliau terokai dengan dirinya kini ingin fokus pada perjalanan selanjutnya lantas tidak dapat bergerak seaktif dahulu di Jawatankuasa Eksekutif (Exco) Apad.

“Dalam masa saya berkarya, saya cuba pelbagai bentuk seni, dari lukisan, ke seramik dan seni pemasangan. Pada masa yang sama, dengan meningkatnya usia dan pelbagai peristiwa kehidupan, pandangan dan tanggapan saya berubah mengikut masa.

“Saya akur paling gemar seni pemasangan kerana ia membawa seni terus kepada orang ramai dan membolehkan saya bekerjasama dengan orang lain bagi menjayakan

sesuatu projek. Ia memuaskan bagi saya kerana ia membawa seni kepada masyarakat tanpa halangan.

“Biasanya, orang anggap seniman selalu bersendirian. Memang benar, tetapi seni adalah untuk semua orang dan saya ingin rapatkan jurang itu,” jelasnya lagi.

Secara keseluruhan, 13 anak seni menerima Biasiswa Seni NAC dan bakal melanjutkan pengajian mereka di peringkat sarjana muda dan possiswazah

Biasiswa Seni NAC itu dianugerahkan kepada penerima yang menerajui disiplin seni baru dan melibatkan khalayak baru, memanfaatkan kuasa transformatif seni dalam bidang bukan seni dan mengejar kecemerlangan seni dan silang budaya dalam seni.

Sebelum ini, karya Encik Muhammad Nhwafal pernah dipamerkan di acara “*Paper Trails Between Lion and Swan*” di Fremantle, Western Australia, dan “*NOCTURNE: Conversations with Waterloo*” sempena Pesta Malam Singapura (SNF) pada 2022.

Bagi pengajian sarjananya kelak, beliau ingin meneroka tempat yang sering digunakan orang ramai seperti lif, perhentian bas dan lokasi lain yang jarang difikirkan setelah digunakan.

“Apabila tamat pengajian saya nanti, saya harap dapat menerapkan apa yang saya pelajari bagi mendidik pelajar saya dan rapatkan lagi hubungan masyarakat dengan dunia seni,” jelas bapa seorang anak yang menanti kelahiran cahaya mata kedua pada Oktober ini.

■ **Laporan lanjut di Muka 3**